



PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP PENDEKATAN ISLAM SELEPAS NEGARA MERDEKA

(Development of Human Capital in Malaysia: Analysis on Islamic Approach After Achieved Independence)

¹ MOHAMAD KAMIL HJ AB. MAJID

² RAHIMIN AFFANDI ABD RAHIM

³ MUHAMMED YUSOF*

¹ Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

² Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala
Lumpur, Malaysia

³ Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Pembentukan Pendekatan Islam Hadhari adalah berasaskan lanjutan pengaruh gerakan kebangkitan semula Islam era 1970an-1990an yang berusaha menonjolkan keunggulan dan keindahan ajaran Islam. Manakala pembangunan modal insan merupakan antara agenda terpenting yang turut diberi perhatian. Oleh itu, tulisan ini membincangkan beberapa sebab utama yang membawa kepada terbentuknya Pendekatan Islam Hadhari. Selain itu, dibincangkan mengenai konsep pembangunan modal insan mengikut pemahaman Pendekatan Islam Hadhari. Analisis kritikal tentang realiti konsep pembangunan modal insan semasa dengan mengemukakan beberapa faktor yang boleh membawa kepada kegagalan terhadap Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia. Hasilnya, ia bakal mengelak daripada sikap optimistik yang agak tinggi, yang terlalu asyik dengan kejayaan sehingga melupakan faktor kegagalan.

Kata kunci: Pembangunan, Modal Insan, Malaysia, Islam, Kemerdekaan

Corresponding author: Muhammed Yusof, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, e-Mail: my77@um.edu.my

Diserahkan: 22 November 2012

Diterima: 27 Jun 2014

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2014-0602-02>



ABSTRACT

Approach of Islam Hadhari formation is based on addition Islamic movement influence revival era 1970s-1990s that striving shows excellence and Islamic teachings beauty. The development of human capital is one of the most important agenda will be emphasized. Therefore, this writing discusses a few main reasons which brought to formation of Approach of Islam Hadhari. Besides that, discussion on development of human capital concept according to understanding Approach of Islam Hadhari. Critical analysis of the reality of the current concept of human capital development by presenting several factors that can lead to failure of the Approach of Islamic Hadhari in Malaysia. As a result, it would be shirking from optimistic attitude that is relatively high, that too engrossed with success until forget failure factor.

Keywords: Development, Human Capital, Malaysia, Islam, Independence

PENGENALAN

Sepanjang sejarah Malaysia daripada era klasik (1400) hingga kepada era selepas merdeka (1960-2000), Islam telah menjadi *force* utama yang membawa perubahan kepada masyarakat Melayu. Merujuk kepada politik hukum (istilah ini merujuk kepada trend dan konfigurasi politik sesuatu kerajaan yang menghasilkan sesuatu perubahan dalam sesuatu dasar) (Marzuki Wahid 2001) dan pengubalan dasar awam di Malaysia (Sabitha Marican 1997), fungsi Islam ini tidak terhad kepada pengamalan ritual semata-mata tetapi turut menjadi inspirasi dan mekanisme utama yang diterapkan ke dalam sesuatu dasar awam. Hal ini antara lainnya boleh dikesan dari pengenalan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara, diikuti dengan pelbagai program Islamisasi, yang membawa hasil yang cukup memberangsangkan di dalam pelbagai dimensi;

1. Penerapan nilai-nilai Islam di dalam jentera pentadbiran kerajaan; (Rahimin Affandi Abd. Rahim t.t)
2. Pembaikian terhadap sistem perundangan Negara yang lebih bersesuaian dengan prinsip-prinsip Islam; (Rahimin Affandi Abd. Rahim 1997)
3. Penambahbaikan pelbagai agensi yang berkaitan dengan Islam, (Donald L. Horowitz 1994)
4. Pengubalan dasar pendidikan negara yang lebih bersesuaian dengan semangat Islam; (Wan Mohd Nor Wan Daud 1998)
5. Penerapan nilai-nilai Islam di dalam organisasi politik masyarakat Melayu; (Ahmad Fawzi Mohd. Basri 2002)



6. Pengenalan dasar domestik dan luar negara yang lebih bersimpati dengan masyarakat Islam (Mohd Nasran Mohamad t.t)
7. Penubuhan pelbagai institusi keislaman bentuk baru, seperti Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Malaysia, Takaful, Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) and banyak lagi. (Badlihisham Mohd. Nasir 1998)

Kejayaan program Islamisasi yang bersifat holistik antara lainnya berpunca dari (i) keterbukaan dan komitmen pihak kerajaan yang menerima pandangan ataupun desakan daripada NGO Islam dan (ii) perancangan yang bersistematik yang disusun oleh pihak kerajaan, seperti penubuhan Badan Perunding Islam yang terdiri daripada pelbagai pakar Islam dari dalam dan luar negara. (Husin Mutalib 1982)

Selepas kemenangan majoriti pihak kerajaan dalam Pilihan raya 2004, sekali lagi slogan dan dasar Islam yang mirip kepada dasar Islamisasi ditimbulkan dengan nama Islam Hadhari – yang cuba memperkuuhkan dasar lama dengan pendekatan baru; menerapkan elemen proaktif bagi melahirkan tamadun Malaysia yang berteraskan nilai-nilai Islam. Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan sebagai lanjutan daripada pengaruh gerakan kebangkitan semula Islam era 1970an-1990an yang berusaha menonjolkan keunggulan dan keindahan ajaran Islam. Ianya diperkenalkan berasaskan kepada beberapa sebab yang utama;

Pertama, sebagai usaha mematangkan dan memperasaskan kesedaran Umat Islam dalam bentuk yang lebih progresif dan dinamik bagi menghadapi cabaran dunia globalisasi. Usaha ini boleh dianggap sebagai usaha tajdid yang bertujuan memperbaiki kemunduran umat Islam. Seandainya sorotan sejarah dilakukan terhadap usaha tajdid ini yang berkembang di dalam sejarah Malaysia, kita boleh membahagikannya kepada tiga tahap yang utama;

1. Tahap awal abad 19 yang menyaksikan perkembangan tajdid dalam bentuk *Pan-Islamism* yang cuba memperincikan kelemahan intelektual umat Islam dan seterusnya menuntut kemerdekaan negara umat Islam daripada belenggu penjajahan.
2. Tahap tahun 1970an-1990an yang menyaksikan timbulnya kesedaran perihal pentingnya menghidupkan Islam sebagai al-Din (*way of life*), penolakan terhadap warisan tinggalan penjajah British dan Islam perlu diamalkan dengan realiti tempatan Malaysia semasa. Dalam tahap ini, kerajaan Malaysia bersikap *receptive* terhadap tuntutan dan gagasan gerakan kebangkitan Islam, yang boleh dilihat daripada pelbagai program Islamisasi yang dijalankan secara meluas di dalam masyarakat. (Rahimin Affandi Abdul Rahim 1997)



3. Tahap pasca era kebangkitan Islam dan era globalisasi yang menyaksikan umat Islam menjadi semakin tertekan dan memerlukan formula penyelesaian berasaskan Islam apabila berhadapan dengan desakan yang ditimbulkan oleh gelombang globalisasi tajaan dunia barat. Dalam menghadapi hegemoni globalisasi ini pihak kerajaan Malaysia telah menawarkan pendekatan Islam Hadhari, demi untuk meneruskan agenda tajdid yang telah berjalan di dalam masyarakat Malaysia.

Kedua, sebagai respons terhadap kekeliruan dalaman yang ditimbulkan oleh umat Islam sendiri. Terdapat beberapa golongan umat Islam (sekularis dan tradisionalis) yang berpegang dengan pandangan alam yang salah dan membantutkan proses kemajuan Islam. Sebaliknya, pendekatan Islam Hadhari lebih mementingkan lima paradigma utama; konsep tauhid, pengamalan budaya ilmu, rasionalistik, *World-affirmative* dan struktur masyarakat.

Ketiga, memperbetulkan salah faham terhadap Islam yang ditohma oleh musuh luar Islam. Dewasa ini, kelihatannya pandangan negatif yang dibawa oleh sarjana Barat telah lebih mendominasi dan diterima pakai oleh pihak berkuasa Barat, di dalam merangka dasar luar mereka terhadap dunia umat Islam. (Fawaz A. Gerges 1999). Rata-rata kalangan orientalis Barat memberikan kupasan *stereotype* terhadap Islam dan gerakan Islam moden di seluruh dunia seperti berikut;

1. Menonjolkan gerakan Islam moden sebagai golongan pengganas yang hauskan darah masyarakat bukan Islam. Hal ini berlaku disebabkan antara lainnya kerana faktor agama Islam itu sendiri yang menggalakkan penganutnya bertindak ganas terhadap golongan bukan Islam. (Bernard Lewis 1993)
2. Menonjolkan gerakan Islam sebagai penentang terhadap segala elemen yang datang dari dunia Barat, seperti idea pemodenan, hak asasi manusia, sistem demokrasi dan sebagainya. (Bernard Lewis 1990)
3. Menonjolkan gerakan Islam sebagai ancaman utama kepada dominasi oder baru dunia moden yang ditaja oleh Amerika Syarikat. Pandangan ini bersesuaian dengan teori *clash of civilization* oleh Samuel Huntington, yang menganggap faktor budaya dan agama, khususnya agama Islam yang menjadi musuh utama masyarakat Barat, yang harus diperangi secara habis-habisan. (S. Huntington 1993)

Dalam konteks Malaysia semasa, terdapat beberapa orang sarjana tempatan yang sering menimbulkan kritikan dan jalan penyelesaian untuk mewujudkan sebuah masyarakat Melayu-Islam yang maju mengikut kerangka Islam yang seimbang antara kepentingan dunia dan akhirat antaranya Hashim Musa (Hashim Musa 2004), Mohd Kamal Hassan (Mohd Kamal Hassan 1996) dan Wan Mohd Nor Wan Daud (Wan Mohd Nor Wan Daud 2001).



Walaupun gagasan yang diutarakan oleh sarjana-sarjana ini tidak memakai nama pendekatan Islam Hadhari, sedikit sebanyak ia bersesuaian dengan pendekatan Islam Hadhari itu sendiri, khususnya jika dirujuk kepada perspektif pendekatan budaya ilmu yang dipilih untuk menerapkan usaha reformasi. Hal ini dapat diperincikan dengan berikut; Pertama, ianya lebih mementingkan pendekatan *action-oriented* sebagai ganti kepada pendekatan retorik dalam sesuatu program yang dirancang; kepentingan mengamalkan perancangan rapi (*blueprint*) yang praktikal dan bukannya secara retorik semata-mata. (Muhammad Kamal Hasan 1996) Bagi reformis semasa, demi untuk memastikan kejayaan usaha reformasi yang lebih berkesan, kita perlu menjauhi perjuangan dan pemikiran ala Khutbah, golongan yang hanya pandai bercakap dengan gagasan yang begitu ideal tetapi tidak tahu menterjemahkan cita-cita tersebut kepada suatu program tindakan yang bersifat praktikal untuk diamalkan. Apa yang lebih diperlukan adalah perjuangan ala fukaha, yang berfikir secara waras dengan mengambil kira faktor kegagalan dan kejayaan sesuatu program reformasi, dan mampu menterjemahkan cita-cita kepada program praktikal bersesuaian dengan suasana setempat. (Dr. Majid Irsan Kailani 1998) Kita boleh mengemukakan beberapa contoh untuk menerangkan pendekatan ini. Antaranya, pertama, pendekatan gerakan Islam di Malaysia yang menjalankan agenda gerakan mereka bukan setakat dibuat secara retorik semata-mata bahkan perlu disertakan dengan program *blueprint* yang lengkap dan boleh dijelmakan dalam bentuk plan bertindak. Hasilnya, kita mendapati banyak usaha dan institusi-institusi bercorak Islam telah ditubuhkan di Malaysia seperti Bank Islam, Takaful, UIAM, KOHILAL, KBI, TASKA, TASKI dan sebagainya. (Badlihisham Mohd. Nasir 1998)

Kedua, pendekatan ala selektif (tidak menentang dan menerima secara membuta tulji) terhadap semua elemen pemodenan barat, khususnya terhadap program pembangunan, yang dikesan mengandungi pelbagai kelemahan seperti;

1. sikap berlebihan yang menumpukan sektor ekonomi yang mempergunakan sumber alam secara maksimum tanpa mempedulikan impak ekologi yang mengancam keseimbangan alam untuk jangka masa panjang (Wan Mohd Nor Wan Daud 2001)
2. pendekatan yang mempergunakan produk hiburan berteraskan budaya hedonisme menggunakan ikon-ikon artis barat yang telah menimbulkan pelbagai krisis moral yang meruncing. (Rahimin Affandi Abd. Rahim 1999)
3. pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden. (Wan Mohd Nor Wan Daud 2001)
4. pendekatan yang mendakwa pembangunan hanya boleh dicapai dengan meniru elemen fizikal dan sistem nilai barat secara mutlak. Hal ini termasuk trend yang secara terang-terangan menghina pegangan agama dan Rasulullah. (Wan Mohd Nor Wan Daud 2001)



Sebagai gantinya, pihak kerajaan Malaysia telah memilih untuk menjalankan program pembangunan yang lebih bersifat bersepadu berdasarkan kerangka Islam dan mengikut acuan Malaysia. Hal ini boleh dilihat daripada penerapan program pembangunan insan (PI) di Malaysia. Pada peringkat awalnya, program PI ini telah dijalankan oleh badan perundingan swasta yang kemudiannya telah diterapkan secara bersepadu oleh INTAN sendiri di dalam program latihan pembangunan dan perkembangan kerjaya untuk kakitangan kerajaan. Apa yang boleh dibanggakan, program PI anjuran INTAN ini telah turut diperkuuhkan asasnya dengan bantuan daripada beberapa orang sarjana Melayu-Islam yang ternama, seperti Muhammad Kamal Hassan, Syed Muhammad Naqib al-Attas, Wan Mohd Nor Wan Daud dan sebagainya. (Wan Mohd Nor Wan Daud 1996; Wan Mohd Nor Wan Daud 2000) Gagasan PI ini dalam bentuk asas, kaedah operasi dan penilaian telah diterbitkan di dalam beberapa buah buku yang diguna pakai dalam program latihan dan kerjaya anjuran INTAN dan jabatan kerajaan yang lain. Dalam banyak hal, program PI ini mengandungi beberapa elemen yang utama;

1. Penggunaan sepenuhnya teori jalinan roh, jasad dan akal dalam melahirkan pekerja yang tinggi nilai akauntabiliti di dalam menjalankan sesuatu pekerjaan sebagai ibadah, bagi memperoleh kejayaan (*falah*) dan mengelakkan kerosakan (*khusran*). (Mohd. Sahar Sidek 1996)
2. Penggunaan kerangka ilmu akhlak dan tasawuf bagi tujuan pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) seseorang pekerja melalui pelbagai formula ala tasawuf seperti menanamkan kepentingan budaya ilmu, muhasabah, tafakur, zikir, taubat, kepentingan sifat *mahmudah* (terpuji) dan keburukan sifat *mazmumah* (tercela), qiamullail dan sebagainya. (Yusoff Mohamad 1989) Jelasnya, pengamalan formula-formula ini dapat mendidik dan membangunkan potensi elemen jasad dan roh manusia yang merupakan punca utama kepada pembentukan emosi manusia, menjadikannya lebih tenang dan seimbang. (Muhd. 'Uthman el-Muhammady 2002)
3. Menanamkan peranan Allah di dalam mengatur kehidupan manusia, yang mana dalam banyak hal telah menjadikan ujian fizikal, fikiran dan emosional sebagai kaedah utama untuk menguji dan mendidik manusia agar menjadikannya sebagai insan yang teguh kekuatan fizikal, mental dan spiritual. (Mohd. Kamal Hassan 1994)

Ketiga, berusaha memetik faktor kejayaan yang menimbulkan tamadun Islam silam, (Anis Ahmad 1988) yang kemudiannya bakal diaplikasikan sepenuhnya di dalam program pembangunan di Malaysia. Hasil kajian mendapat serangkaian tamadun umat Islam silam, sama ada di Timur Tengah dan rantau Alam Melayu, timbul berpunca daripada enam faktor utama;



1. Pengamalan budaya ilmu.
2. Pengamalan cara hidup Islam yang betul mengikut pandangan Tauhid.
3. Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang cukup canggih.
4. Kewujudan pengetahuan Sains dan Teknologi (S&T) yang baik.
5. Pembangunan sektor ekonomi bersepada dan menekankan peluang pengagihan yang seimbang di antara rakyat.
6. Perancangan bandar mapan yang menyediakan perkhidmatan dalam bidang sosial yang baik kepada rakyat.

Sebagai contohnya, Pendekatan Islam Hadhari menekankan kepentingan umat Islam sedunia membangun dan memperlengkapkan diri dengan pengetahuan S&T (Sains dan teknologi) bagi kehidupan semasa, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan usaha pembangunan (R&D) sektor teknologi ICT (Mohd. Zuhdi Marsuki 2000), dengan cara ini umat Islam boleh menggunakan perkakasan dan perisian ICT yang dihasilkan oleh ahli sains Islam sendiri. (Zulkiple Abd. Ghani 2000) Secara jelas, pandangan ini boleh dikategorikan sebagai pencetus idea awal tentang peri pentingnya ilmu teknikal moden, yang dilanjutkan perbincangannya oleh sarjana tempatan dengan gabungan antara ilmu fardu Ain dan Kifayah (keilmuan S&T) sebagai syarat utama untuk mencapai kemajuan intelektual ummah. (Mahathir Mohamad 1986) Gagasan ini diklasifikasikan oleh setengah sarjana dengan nama Mahathirisme yang dilihat mampu mengubah status Malaysia kepada negara maju. (Hairudin Harun 2001) Inti pati utama Mahathirisme dilihat menonjol terhadap peranan S&T, industri berat, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan dasar ICT dan menangani masalah umat Islam dengan pendekatan yang sesuai dengan zaman moden. (Hairudin Harun 2001)

Faktor-faktor yang menyebabkan keruntuhan sesuatu tamadun turut dikaji dan cuba dielakkan, agar tidak membantutkan proses pembangunan tamadun Islam pada hari ini. Terdapat beberapa faktor keruntuhan sesuatu tamadun, seperti; (Rahimin Affandi Abd. Rahim 2002)

1. Program pembangunan yang tidak seimbang, bersifat menindas dan mementingkan sesuatu golongan tertentu sahaja.
2. Perpecahan umat Islam akibat perbezaan mazhab dan fahaman fanatik yang berasaskan kepada parti politik.
3. Elemen kemungkaran, kemewahan dan penindasan yang berkembang di dalam masyarakat tanpa disertakan dengan program pencegahan yang sepatutnya. (pelaksanaan konsep *Amar Makruf dan Nahi Mungkar*)



4. Pengaruh *Ghazw fikr* (penjajahan mental) yang berteraskan faham sekularisme yang ditanamkan oleh penjajah Barat dan kemudiannya diteruskan dengan agenda globalisasi tajaan kuasa Barat.
5. Ancaman pengaruh luar yang terdiri dari kuasa Kafir Barat yang berusaha memperluaskan dominasi kuasa mereka.

Ringkasnya, pendekatan Islam Hadhari cuba mengambil kira kesemua faktor-faktor di atas, secara berhemah menggunakan kaedah kajian yang betul, demi untuk menjayakan program pembangunan Malaysia dengan lebih baik, bersepada, berhemah dan berterusan. Mengikut perspektif pendekatan Islam Hadhari, proses untuk memastikan kejayaan dan pengawalan terhadap kesemua faktor-faktor ini memerlukan kerjasama dan penyertaan massa (masyarakat) yang tinggi, yang boleh dilakukan dengan melibatkan diri di dalam proses penggubalan dasar negara dan bertindak sebagai agen *Hisbah* bagi memastikan pelaksanaan konsep *Amar Makruf Nahi Mungkar* dilaksanakan dengan berkesan. (Mohd Nakhaei Ahmad 2003) Tugas untuk membangun dan mengislamkan masyarakat perlu digandingkan antara pihak kerajaan dengan kalangan masyarakat secara menyeluruh. (Rahimin Affandi Abd Rahim 2003)

Keempat, menekankan usaha membangunkan sumber manusia Islam moden yang bersifat Qurani dan sesuai dengan status umat terbaik, yang memiliki beberapa ciri yang utama; (1) bertanggungjawab dan jujur, (2) menunda kesenangan jangka pendek untuk kesenangan jangka panjang, (3) memanfaatkan waktu dan etos kerja yang cemerlang, (4) yakin dengan keadilan dapat disebarluaskan kepada manusia, (5) mengamalkan budaya ilmu dan (6) menyanjung tinggi bakat dan kemampuan serta penghargaan diberikan berdasarkan prestasi. (H. Syahrin Harahap 1999)

Kelima, demi untuk menghadapi persaingan dengan kuasa Barat, umat Islam tidak seharusnya menggunakan pendekatan kekerasan, (H. Syahrin Harahap 1999) sebaliknya perlu lebih proaktif mengambil pengajaran dari ketinggian tamadun Barat, iaitu ketinggian budaya ilmu mereka, (Majid Irsan Kailani 1997) yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat. (Mahathir Mohamad t.t) Dalam soal ini, secara jelasnya mereka menganjurkan bentuk perjuangan yang bersifat evolusi dan bukannya secara revolusi. (Syed Ahmad Hussein 2002)

Keenam, memberikan penekanan kepada program pembangunan pendidikan negara yang lebih bersepada dan berteraskan pandangan alam Islam, bagi melahirkan insan yang berketerampilan dari segi akhlak dan berbagai kemahiran masa kini. Apa yang jelasnya, satu jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan dan beberapa perubahan telah dijalankan, seperti;

1. Membentuk falsafah Pendidikan Negara yang berteras konsep kesepaduan antara intelek, emosi, rohani dan jasmani telah diwujudkan. FPN ini berbunyi:





“Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”. Apa yang jelasnya, usaha mewujudkan FPN ini secara langsung menunjukkan bagaimana teori menyepadukan antara elemen roh, jasad dan akal yang bakal menghasilkan manusia yang mempunyai keseimbangan emosi telah diterapkan dalam sektor pendidikan di Malaysia sehingga kepada asas yang paling substantif sekali.

2. Bagi menghidupkan FPN ini dua bentuk kurikulum baru yang mengamalkan sistem pendidikan bersepada, Kurikulum Bersepada Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepada Sekolah Menengah (KBSM) telah diwujudkan menggantikan sistem kurikulum yang lama. Kedua-dua KBSR dan KBSM ini memberikan penekanan asas kepada usaha pembentukan sahsiah, peribadi, emosi dan semangat tanggungjawab kepada diri, masyarakat dan alam sekitar.
3. Dalam pembentukan KBSR dan KBSM penekanan yang lebih seimbang diberikan kepada bidang fardu Ain dan Kifayah.

Ketujuh, pendekatan yang menjalankan dasar penambahbaikan berterusan yang berteraskan kaedah pengurusan strategik (Analisa SWOT dan SMART) di dalam pentadbiran negara. (Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsyy 2004) Merujuk khusus kepada agensi yang berkait dengan Islam seperti YADIM, JAKIM, Majlis Fatwa, Mahkamah Syariah, Jabatan dan Majlis Agama Islam setiap negeri, usaha penambahbaikan secara berterusan memang telah dan sedang dijalankan, demi untuk menjadikannya sebagai agensi Islam yang mampu menyelesaikan masalah umat Islam secara tuntas dan berkesan. (Ahmad Hidayat Buang 2004)

Kelapan, menekankan kepentingan mengamalkan pendekatan berfikir secara auto kritik menggantikan kaedah berfikir secara bentuk pemberian. Kaedah pemberian ini merujuk kepada cara seseorang berfikir dengan tidak mengakui kelemahan diri sendiri, suka berdolak-dalik dan mengaitkan sesuatu kelemahan kepada orang lain, kerana pada dia beranggapan dirinya serba cukup dan sempurna (Sila rujuk Quran 42:30; 53:32; 7:22-23). Contohnya boleh dilihat kepada teguran Dr Mahathir Mohamad terhadap sikap masyarakat Melayu yang masih belum berubah sepenuhnya walaupun pelbagai usaha proaktif dilakukan untuk memperbaiki masyarakat Melayu. Dalam kes yang lain pula, Dr Mahathir Mohamad kerap menimbulkan isu kelemahan umat Islam berpunca dari tindakan suka bertengkar sesama sendiri dalam isu remeh-temeh, sebaliknya tidak berusaha menggunakan potensi sumber alam yang dimiliki oleh negara umat Islam untuk tujuan perpaduan dan pembangunan umat Islam sedunia. (Mahathir Mohamad 1986)



Kesembilan, menekankan kepentingan mengamalkan pendekatan berfikir secara kritis dan tidak membuta tuli di dalam menghadapi sesuatu isu penting yang timbul di dalam masyarakat. Pendekatan ini juga merujuk kepada enam bentuk pemikiran lagi;

- Melatih berfikir secara auto kritis sebagai ganti berfikir dalam bentuk pemberian. Kaedah pemberian ini merujuk kepada cara berfikir yang tidak mengakui kelemahan diri sendiri, suka berdolak-dalik dan mengaitkan sesuatu kelemahan yang berlaku kepada orang lain, kerana pada anggapannya dirinya serba cukup dan sempurna.
- Berfikir secara menyeluruh menggantikan berfikir secara sebahagian. Pemikiran secara menyeluruh ini merujuk kepada pengetahuan terhadap sesuatu secara mendalam dengan mengetahui ciri-ciri, perincian dan hubungannya di antara perincian tersebut.
- Berfikir secara reformasi menggantikan berfikir secara tradisional.
- Berfikir secara ilmiah menggantikan berfikir secara prasangka dan mengikut hawa nafsu.
- Berfikir secara kolektif menggantikan berfikir secara sendirian.
- Berfikir yang sesuai dengan hukum alam (*sunatullah*) menggantikan berfikir secara *supra* rasional dan tahayul.

Kesepuluh, Menggalakkan kewujudan golongan ahli sains Melayu yang berpegang kuat kepada *world-view* Islam. Sebagai contoh, kelas intelektual-saintis Melayu telah bergabung di dalam NGO khusus, ASASI (Akademi Sains Islam Malaysia) yang cuba menerap dan menyebarluaskan kesedaran tentang perihal pentingnya masyarakat Melayu Islam mendukung usaha membangunkan S&T ala Islam. (Hairudin Harun 2001)

PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENGIKUT PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Konsep Pembangunan Insan dalam perbincangan ini lebih dikhurasukan kepada golongan pentadbir dan golongan yang terlibat untuk membuat keputusan di dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta. Trend dan konsep Pembangunan Insan ini timbul di Malaysia pada era tahun 1970-1980an, juga disebabkan oleh kesedaran sesetengah golongan pemikir Melayu terhadap kegagalan sistem pembangunan sumber manusia ala barat di dalam melahirkan golongan pekerja yang seimbang di antara kelulusan yang tinggi dengan pencapaian sahsiah diri yang baik. (Mohd. Kamal Hassan 2000) Kesedaran ini timbul dengan begitu meluas, dimangkinkan dengan dua faktor yang utama, pertamanya, keghairahan pihak pentadbir Melayu untuk merujuk kepada penyelesaian Islam terhadap masalah krisis nilai dan penyelewengan kolar biru yang berlaku di dalam perkhidmatan awam (Mohd. Kamal Hassan 2000), keduanya, kebanjiran buku-buku reformasi Islam daripada luar negeri sama ada dalam bentuk teks yang asal ataupun terjemahan di Malaysia. (Fred R. Von Der Mehden 1993)





Pada peringkat awalnya, program Pembangunan Insan ini telah dijalankan oleh badan perundungan swasta, yang kemudiannya telah diterapkan secara bersepada oleh INTAN sendiri di dalam program latihan pembangunan dan perkembangan kerjaya untuk kakitangan kerajaan. Apa yang boleh dibanggakan, program Pembangunan Insan anjuran INTAN ini telah turut diperkuuhkan asasnya, dengan bantuan daripada beberapa orang sarjana Melayu-Islam yang ternama, seperti Muhammad Kamal Hassan, Syed Muhammad Naqiubb al-Attas, Wan Mohd Nor Wan Daud dan sebagainya. (Wan Mohd Nor Wan Daud 2000) Gagasan Pembangunan Insan Pembangunan Insan ini dalam bentuk asas, kaedah operasi dan penilaian telah diterbitkan di dalam beberapa buah buku asas yang dipakai untuk semua program latihan dan kerjaya anjuran INTAN dan jabatan kerajaan yang lain.

Dalam banyak hal, program Pembangunan Insan ini mengandungi beberapa elemen yang utama;

- (i) Penggunaan sepenuhnya teori jalinan roh, jasad dan akal dalam melahirkan pekerja yang tinggi nilai akauntabilitinya di dalam menjalankan sesuatu pekerjaan sebagai ibadah, bagi memperoleh kejayaan (*Falah*) dan mengelakkan kerosakan (*khusrus*). (Mohd. Sahar Sidek 1996)
- (ii) Penggunaan kerangka ilmu akhlak dan tasawuf bagi tujuan pembersihan jiwa (*Tazkiyah al-Nafs*) seseorang pekerja melalui pelbagai formula ala tasawuf seperti mananamkan kepentingan budaya ilmu, Muhasabah, Tafakur, zikir, taubat, kepentingan sifat Mahmuddah (terpuji) dan keburukan sifat Mazmumah (tercela), Qiamullail dan sebagainya. (Yusoff Mohamad 1989) Apa yang jelasnya, pengamalan formula-formula ini dapat mendidik dan membangunkan potensi elemen jasad dan roh manusia yang merupakan punca utama kepada pembentukan emosi manusia, menjadikannya lebih tenang dan seimbang. (Muhd. 'Uthman el-Muhammady 2002)
- (iii) Mananamkan peranan Allah di dalam mengatur kehidupan manusia, yang mana dalam banyak hal telah menjadikan ujian fizikal, fikiran dan emosional sebagai kaedah utama untuk menguji dan mendidik manusia agar menjadikannya sebagai insan yang teguh kekuatan fizikal, mental dan rohani. (Mohd. Kamal Hassan 1994)

Apa yang dipentingkan dalam pembentukan modal insan ini adalah pembentukan manusia sebagai agen terpenting, dapat dikatakan sebagai modal utama bagi menjayakan sesuatu proses pembangunan negara. Ianya dirujuk kepada keupayaan dan kemampuan seseorang insan atau warga negara Malaysia dari segi kognitif (elemen pemikiran), afektif (elemen sikap) dan psikomotor (kemahiran). Ia merujuk kepada penggunaan akal fikiran yang bermutu tinggi, dalam Islam, seseorang manusia itu terbentuk daripada tiga elemen yang utama, jasad, roh dan akal. Semuanya terkait dalam tiga domain yang utama; kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini boleh dikesan secara yang tersirat daripada gagasan Islam Hadhari yang terdiri daripada; (Mohd Shauki Abd Majid 2004)



REALITI PEMBANGUNAN MODAL INSAN SEMASA: ANALISIS KRITIKAL

Sebagai asas perbincangan, demi untuk menghasilkan penganalisisan yang bersifat objektif dan berteraskan semangat futuristik ala Islam (Idris Zakaria & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria 2004), kajian ini hanya akan mengemukakan beberapa faktor kegagalan terhadap gagasan Islam Hadari di Malaysia. Hal ini antara lainnya bakal mengelakkan sikap optimistik yang agak tinggi, yang terlalu asyik dengan kejayaan sehingga akan melupakan tentang faktor kegagalan.

Salah satu prinsip Islam Hadhari adalah Rakyat Berjiwa Merdeka. Untuk memperjelaskan kebaikan Prinsip Rakyat Berjiwa Merdeka, kita perlu meneliti beberapa kecenderungan yang berlawanan dengan prinsip teras ini, yang memang kedapatan di dalam masyarakat Malaysia semasa. Ia terdiri dari; Pertama, pandangan Ibn Khaldun tentang teori jiwa hamba yang dimiliki oleh bangsa yang pernah dijajah, yang akan menganggap kuasa bekas penjajah mereka sebagai suatu bangsa yang maju dan agung, yang patut ditiru oleh bangsa yang pernah dijajah. Kedua, pandangan Syed Hussein al-Attas tentang mentaliti *watak tertawan*, sikap yang terlalu pro nilai-nilai barat yang dipegang sesetengah kalangan masyarakat di Malaysia. Antara sikap utama golongan ini;

1. Sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada barat.
2. Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menangani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah.
3. Mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan barat dan sering taasub dengan teori dan bacaan daripada barat.
4. Tidak mengamalkan sikap kritikal dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber barat.
5. Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka.

Sebagai lanjutan kepada sikap tertawan ini yang rata-ratanya dihidapi oleh pelbagai kalangan masyarakat, timbul beberapa persoalan sistem nilai yang masih gagal ditonjolkan secara tuntas di dalam masyarakat, yang terdiri dari:

1. Masalah kurangnya sifat bersungguh-sungguh (*sense of urgency*) dalam melakukan sesuatu perkara.
2. Kurangnya ditonjolkan kepentingan sifat malu (*sense of shame*) di dalam masyarakat. Apa yang sepatutnya dirasakan malu tidak ditonjolkan, sebaliknya ia cuba ditenggelamkan.



3. Kurangnya masalah kebertanggungjawaban (*sense of accountability*).
4. Meluasnya gejala keruntuhan moral dan rasuah di dalam masyarakat.

Ketiga, ketiadaan dan semakin menurunnya semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia semasa. Secara tersirat, kita boleh mengesan bagaimana Perdana Menteri Malaysia menyedari tentang wujudnya masalah ini yang cuba ditonjolkan dengan melontarkan prinsip rakyat berjiwa merdeka ini. Terdapat beberapa komentar yang telah diberikan oleh sejumlah besar kalangan sarjana dan pemimpin Negara tentang masalah dalaman ini, yang dihidap oleh masyarakat Malaysia yang boleh menjaskan status kemerdekaan Negara ini. Antaranya;

1. Sikap sesetengah golongan muda yang terlalu menghargai dunia global sehingga melupakan kepentingan tanah air sendiri. Dalam hal ini, Mohd Noor Azam menegaskan: “Dunia mereka tidak lagi tanah air atau Negara ibunda, tetapi dunia globalisasi. Dunia globalisasi menuntut lebih banyak persamaan, seolah-olah menafikan kelainan. Namun sebagai bangsa yang bermaruah generasi muda Malaysia wajar kembali kepada acuan budaya kita sendiri. Justeru, melalui budaya kita sendiri, kita dapat mengkalkan jati diri.”
2. Sikap yang tidak mengenang budi dan melupakan jasa-jasa pejuang kemerdekaan. Hal ini diulas oleh Aziz Ishak dalam Utusan Malaysia, Sabtu 25hb Ogos 2001. Yang turut mengganggu fikiran ialah kemakmuran dan keamanan yang dikecap sejak merdeka rupanya menyebabkan sebahagian kita mudah merasa selesa dan muda lupa. Ini termasuk tidak lagi menghargai bekas-bekas perajurit sehingga kutipan rayuan hari pahlawan menjadi dingin. Hanya jika berlaku sekali lagi konfrontasi atau darurat komunis seperti dahulu, barulah agaknya anggota pasukan keselamatan lebih dihargai. Sebahagian kita juga tidak pandai lagi menghargai polis yang menjaga keamanan sebaliknya mahu mengherokan pihak lain seperti penunjuk perasaan yang melanggar undang-undang. Dalam pada itu, isu kaum dan integrasi nasional terus menjadi duri dalam daging sementara nasionalisme kian goyah.
3. Sikap individualistik yang menyebabkan semangat patriotisme menjadi lemah. Hal ini diulas oleh Khoo Kay Kim; (Abdul Rahman Aziz 2004) Ternyata nasionalisme di masyarakat mana-mana pun perlu dipupuk oleh kerajaan. Nasionalisme tidak boleh dipisahkan daripada sistem nilai masyarakat. Kalau sesebuah masyarakat lebih mengutamakan pencapaian individu maka individualisme akan menenggelamkan nasionalisme; rakyat menjadi nafsi; objek kesetiaan dan kecintaan mereka bukanlah Negara tetapi diri sendiri. Masyarakat yang terlalu individualistik akan cepat meretak dan akan timbul keadaan di mana seseorang tidak akan menghormati orang lain. Masyarakat lebih berkecenderungan mengejar simbol terutamanya yang berkaitan dengan kekayaan.



4. Sifat ketiadaan rasa sayang kepada tanah air yang dipegang oleh generasi muda yang lahir selepas zaman kemerdekaan. Ianya diulas oleh Ungku Aziz; (Abdul Rahman Aziz, 2004). Semangat kebangsaan cuma terdapat di kalangan pemimpin lapisan pertama iaitu di kalangan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang menteri yang rapat dengan mereka. Pemimpin lapisan pertama menghadapi kesukaran kerana orang yang dipertanggungjawabkan melaksanakan cita-cita dan perancangan mereka tidak mempunyai pandangan dan semangat yang sama. Natijahnya tidak terbentuk satu sikap patriotisme yang jitu dan ini mendatangkan masalah pada Negara. Semangat cintakan Negara di kalangan generasi muda semakin pupus kerana pengaruh budaya antarabangsa, kemajuan teknologi dan silap tafsir mengenai nilai-nilai Islam. Di kalangan generasi muda ini sudah terdapat perlakuan anti-patriotisme misalnya tidak mahu menyanyikan lagu Negaraku adalah contoh silap tafsir mengenai Islam yang kononnya mereka tidak boleh menyanyi.
5. Wujudnya golongan yang anti-patriotisme yang kebanyakannya lahir selepas merdeka, yang dikatakan oleh Awang Had Salleh; (Abdul Rahman Aziz, 2004). Perbuatan atau trend mencela dan mencetuskan satu penghinaan kepada rakyat yang bersifat nasionalis atau patriotik yang berlaku di Negara ini akhir-akhir ini merupakan suatu perkembangan yang amat merbahaya. Malah menjadi kelaziman bagi pembangkang untuk meraih undi dengan menggugat teras-teras patriotisme dan jika ini dibiarkan berleluasa ia boleh merobohkan sesebuah Negara.

Keempat, ketiadaan kekuatan jati diri dalaman berteraskan agama di kalangan penduduk Malaysia. Secara tabiinya, semangat patriotisme ini akan timbul apabila semua rakyat mempunyai kekuatan jati diri yang tinggi. Namun begitu, hal yang sebaliknya telah dikesan dalam konteks masyarakat Malaysia semasa.

KESIMPULAN

Tanpa menafikan kejayaan yang sedia dicapai dalam konteks kejayaan pelaksanaan program pembangunan Islam di Malaysia, masih lagi terdapat beberapa kelompongan yang perlu diatasi bagi mengelakkkan gagasan Islam Hadhari ini gagal dijayakan. Dalam konteks ini, beberapa pemberian yang agak besar perlu dijalankan bagi memperelok lagi gagasan yang mulia ini. Memanglah diakui, sejak Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima, usaha ke arah memperbaiki kepincangan dari segi pentadbiran, politik wang, rasuah, polis dan integriti telah pun secara aktif dijalankan. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian khusus, seperti; kepentingan diwujudkan pembangunan sistem politik yang lebih telus, terbuka dan adil. Apa yang jelasnya, dalam konteks Malaysia semasa, masih lagi terdapat beberapa elemen kelemahan di dalam program pembangunan sistem politik seperti; kepentingan mewujudkan pembangunan pendidikan yang sesuai untuk



konteks zaman globalisasi. Kepentingan mewujudkan pembangunan ekonomi yang lebih seimbang bagi menyaingi impak negatif yang dilahirkan oleh era globalisasi. Kepentingan mengamalkan sikap lebih prihatin (konsep *Amar Makruf Nahi Mungkar*) terhadap krisis sosial yang melanda golongan muda di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz. 2004. *Pemugaran Semangat Patriotisme Untuk Pembangunan*, Sintok: Penerbit UUM.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 1995. “Nasionalisme Melayu Dan Nasionalisme Melayu Setanah Melayu: Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya”. Dlm. *Isu-Isu Pensejarahan (Esei Penghargaan Kepada Dr. S. Suntharalingam)* Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. 2002. “Perubahan nilai dalam budaya politik Melayu”. Dlm. Ahmad Fawzi Mohd. Basri (pnyt). *Nilai Orang Melayu*. Sintok: Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- Anis Ahmad. 1988. “The reorientation of Islamic history: some methodological issues”. Dlm. *Islam: Source and purpose of knowledge*. Virginia: IIIT.
- Awang Had Salleh. 2000. “Patriotisme Dan Globalisme Dalam Konteks Pergerakan Bahasa Dan Sastera Kebangsaan”, Dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (Pnyt). *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badlihisham Mohd. Nasir. 1998. *Islamic movements in Malaysia: A study of Da'wah in PAS and ABIM*, Tesis Ph.D untuk University of Birmingham.
- Baharudin Ahmad. 1994. *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernard Lewis. 1990. “The roots of Muslim rage”. Dlm. *Atlantic Monthly*
- Bernard Lewis. 1993 . “Islam and Liberal Democracy”. Dlm. *Atlantic Monthly*.
- Donald L. Horowitz. 1994. “The Quran and the Common law: Islamic law reform and the theory of legal change”. Dlm. *The American Journal Of Comparative law*, v. 42.



Dr. Majid Irsan Kailani. 1998. *Kebangkitan Generasi Salahuddin dan Kembalinya Jerusalem ke Pangkuhan Islam*, Kuala Lumpur: Thinker Libraries.

Fawaz A. Gerges. 1999. *America and political Islam; Clash of cultures or clash of interest*, Cambridge: Cambridge University Press.

Fred R. Von Der Mehden. 1993. *Two Worlds Of Islam: Interaction Between Southeast Asia And The Middle East*. Florida: T.p.

H. Syahrin Harahap. 1999. *Islam; Konsep dan implementasi pemberdayaan*, Yogyakarta: PT Tiara Wacaana.

Hadijah Rahmat. 2001. In search of modernity: A study of the concepts of literature, authorship and notion of self in traditional Malay literature. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu dalam era Teknologi Maklumat; antara akal budi Melayu dengan budaya fikir digital*. Kuala Lumpur: DBP.

Hashim Musa. 2004. *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.

Husin Mutualib. 1982. *Islam And Ethnicity in the Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.

Idris Zakaria & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2004. “Ilmuwan Islam dan Kepentingan Kajian Masa Hadapan (Future Studies)”. Dlm. *Prosiding Islam: Past, Present and Future- International Seminar on Islamic Thoughts*. anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia.

Jamaie Hamil. 2004. *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.

Jamaie Hamil. 2006. “Dinamika kepimpinan politik UMNO”. Dlm. Ghazali Mayudin (pnyt). *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Mahathir Mohamad. “Speech at the International Islamic Symposium”. Selepas ucapan ini, sejumlah besar negara Islam telah menyatakan persetujuan untuk menaja penubuhan UIAM di Malaysia.

Mahathir Mohamad. 1986. “Speech at the 4rd RISEAP General Assembly”. Kuala Lumpur, 8hb November 1986, *Foreign Affairs Malaysia*.





Mahathir Mohamad. 1986. "Speech at the International Islamic Symposium". Kuala Lumpur, 5 March, 1986, *Foreign Affairs Malaysia*, 19, 1 (March 1986).

Majid Irsan Kailani. 1997. *Mendidik peribadi*. (terj). Muhammad Firdaus. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Marzuki Wahid. 2001. *Fiqh Mazhab Negara: kritik atas politik hukum Islam di Indonesia*. Yogyakarta: LKIS.

Mohd Nakhaei Ahmad. 2003. *Masyarakat Islam Hadari*. Kuala Lumpur: YADIM.

Mohd Nasran Mohamad. "Dimensi dan pendekatan hubungan antarabangsa Islam dalam dasar luar Dr. Mahathir". Dlm. *Prosiding Seminar Dr. Mahathir pemikir Islam Abad ke 21*. Anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.

Mohd Shauki Abd Majid. 2004. *Wacana Hadhari dalam Islam*. Kuala Lumpur: Anzagan.

Mohd Yusof Othman. 2001. "Teknologi Maklumat: Harapan Dan Cabaran Di Alaf Baru". Dlm. Sharifah Azizah Sahil Jamalullail. (Pnyt). *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Harapan, Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar: INSANIAH.

Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali. 2002. *Etika alam sekitar daripada perspektif Islam, timur dan barat*. Kuala Lumpur: Penerbitan PTS.

Mohd. Azizuddin Mohd. Sani. 2002. *Hak asasi manusia menurut pandangan Islam dan barat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Mohd. Kamal Hassan. 1994. "Nilai-nilai universal Islam tentang kesejahteraan masyarakat". Dlm. *Ilmu dan kecemerlangan - dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Mohd Kamal Hassan. 1996. *Toward Actualizing Islamic Ethical and educational principles in Malaysia society: Some critical observations*. Kuala Lumpur: ABIM.

Mohd. Kamal Hassan. 2000. "Renungan tentang pembangunan sumber manusia di Malaysia: Menghadapi cabaran Abad ke-21". Dlm. *Pembangunan sumber manusia di Malaysia: Cabaran Abad ke-21*. Skudai: UTM.

Mohd. Sahar Sidek. 1996. "Pengurusan organisasi dari perspektif Islam". Dlm. *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Mohd. Zuhdi Marsuki. 2000. "Pengajaran sains, teknologi dan masyarakat: pendekatan bersepada ke arah wawasan 2020 ". Dlm. *Pengajaran Umum di Alaf Baru*. Bangi: UKM.



- Muhammad Abu Bakar. 1993. "Pandangan dunia, ideologi dan kesarjanaan: Islam, proses sejarah dan rekonstruksi realiti sosial ". Dlm. *Tinta kenangan, sumbangan sempena persaraan dan perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*. Kuala Lumpur. 1993. hlm 307-309.
- Muhammad Kamal Hasan. 1996. *Toward actualizing Islamic ethical and educational principles in Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Muhd. 'Uthman el-Muhammady. 2002. "Manusia sebagai khalifah di bumi". Dlm. *Tasawwur Islam: Huraian konsep dan implikasi dalam kehidupan*. Kajang: IPI.
- Noraini Othman. 2000. "Globalisasi, pendidikan dan modeniti di Malaysia". Dlm. *Malaysia menangani globalisasi: peserta atau mangsa*. Bangi: UKM.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2003. "Graduan Pengajian Islam bertaraf world class". Dlm. *Konvensyen Mahasiswa Pengajian Islam peringkat Nasional 2003*. Anjuran bersama APIUM dan PMAIUM.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2003. "Penyelesaian masalah gejala sosial di Malaysia menurut perspektif Islam". Dlm. *Seminar Pembangunan ummah peringkat kebangsaan*, anjuran Unit Perundingan APIUM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor, di Hotel Goldcourse, Klang, Selangor.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. T.th. "Konsep Tajdid Dan Pemikiran Islam Dr. Mahathir: Satu Analisis". Dlm. *Prosiding Seminar Dr. Mahathir pemikir Islam Abad ke 21*, Anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 1997. "Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan realiti". Dlm. *Dinamisme Pengajian Syariah*. (ed) oleh Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. Kuala Lumpur: Berita publishing.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 1999. "Krisis remaja dan Media Massa di Malaysia: suatu tinjauan dari perspektif Islam". Dlm. *Jurnal Usuluddin*. bil. 10.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2002. " Perubahan dan pembangunan sosial menurut Ibn Khaldun". Dlm. *Seminar Pemikiran Ibn Khaldun 11, anjuran Majlis Agama Islam Sarawak*.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2004. "Menangani cabaran Globalisasi: satu analisis terhadap pemikiran Reformis semasa". Dlm. oleh Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti dan Che Zarrina sa'ari. (Pnyt). *Pemikiran Islam dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. APIUM.





Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka

- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2005. "Pemikiran reformasi Melayu semasa: satu analisis". Dlm. Hashim Musa. (Pnyt). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: APMUM.
- S. Huntington. 1993. "The Clash of civilizations?". Dlm. *Foreign Affairs*.
- Sabitha Marican. 1997. *Dasar awam di Malaysia: isu dan konsep*. Kuala Lumpur: Utusan publication.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy. 2004. *Efektif Governan di Malaysia menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shukri Ahmad. 2001. "Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Halatuju Perubahan Pemikiran Politik Masyarakat Islam Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Dari Tahun 1950an hingga 1990an. *Jurnal Usuluddin*. bil. 14.
- Siddiq Fadhil. 2005. "Jatidiri Dan Nilai-Nilai Budaya Dalam Pemikiran Melayu". Dlm. Ahmad Mohamad Said. (Pnyt). *Pembangunan Watak Bangsa: Pemerksaan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Siddiq Fadzil. 2001. "Ledakan maklumat, revolusi komunikasi dan globalisasi: implikasi terhadap jati diri". Dlm. *Teknologi Maklumat dan komunikasi: harapan, cabaran dan barakah*. INSANIAH. Alor Setar.
- Syed Ahmad Hussein. 2002. "Muslim politics and discourse on democracy". Dlm. *Democracy in Malaysia; discourse and practices*. Richmond. Surrey: Curzon press.
- Tan Ai Mei. 2002. *Malaysian Private Higher Education: Globalisation, Privatisation, Transformation and Marketplaces*. London: t.pt.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. "Insan baik teras kewarganegaraan" Dlm. *Jurnal Pemikir*. Januari-Mac. 1996.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. "Sikap bertanggungjawab (Mas'uliah) dari sudut agama, sejarah dan pendidikan" Dlm. *Jurnal Pemikir*. Oktober-Disember. 2000.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1990. "Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun". Dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*. V. 3. Bil. 1.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas; an exposition of the original concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.



Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Yasien Mohamad. 1993. "Islamization: A Revivalist Response To Modernity". Dlm. *Muslim Education Quarterly*. v. 10. no. 2.

Yusof Qardawi. 1980. *Al-ijtihad Fi Shariah Al-Islamiyyah Ma'a Nadhratain Tahliyyatin Fi Ijtihad al-Mu'asir*. Kuwait.

Yusoff Mohamad. 1989. *Bina Insan: Satu analisis kaedah*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. hlm 30-38.

Zaini Ujang. 1989. " Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar". *Jurnal Pendidikan Islam*. v. 2. bil. 1.

Zainuddin Jaffar. 2000. *Spektrum pemikiran Islam*. KISDAR. Bangi Lama.

Zulkiple Abd. Ghani. 2000. "Imperatif Multimedia dalam pembangunan umma". Dlm. *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Zulkifli Abd. Ghani. T.th. " Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula Untuk Melahirkan Islam Yang Progressif ". Dlm. *Himpunan kertas kerja Isu dan proses pembukaan minda umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

